

## 2.0 DASAR-DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

### 2.1 Dasar Dan Strategi Pembangunan Di Peringkat Nasional

Di peringkat nasional terdapat beberapa dasar dan strategi yang dijadikan asas didalam penyediaan Pelan Induk Landskap ini. Di antara dasar-dasar yang terlibat ialah:

#### a. Dasar Pembangunan Nasional

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah menggariskan beberapa pendekatan dengan tujuan mengadakan satu dimensi baru dalam usaha pembangunan yang seimbang iaitu:

- i) Membangunkan sebuah masyarakat yang progresif.
- ii) Memajukan sumber manusia
- iii) Perlindungan alam sekitar dan ekologi.

#### b. Dasar Perhutanan Negara

Dasar Perhutanan Negara dilancarkan pada tahun 1981 bertujuan menghadkan pembukaan tanah untuk pembangunan supaya sumber hutan dan alam sekitar serta ekologi dapat dipelihara. Dasar ini juga mementingkan pemeliharaan hutan bagi tujuan rekreasi, menjalankan penyelidikan serta pendidikan dan memelihara flora dan fauna.

### 2.2 Dasar Dan Strategi Pembangunan Di Peringkat Negeri


Di peringkat negeri pula telah terdapat strategi pembangunan yang diguna pakai sebagai panduan kepada Majlis Perbandaran Johor Bahru (MPJBT) merangka pembangunan di kawasan pentadbiran seperti di bawah:

#### a. Strategi Pertumbuhan Berselerak Bertumpu

Strategi Pertumbuhan Berselerak Bertumpu masih diguna pakai sehingga kini dalam merancang pembangunan spatial Negeri Johor. Bandaraya Johor Bahru sebagai pusat pertumbuhan utama dan berperanan sebagai kutub pertumbuhan yang akan mewujudkan pertalian ke hadapan dan ke belakang dengan kawasan sekitarnya sehingga pembangunan akan teragih ke kawasan tersebut. Di peringkat negeri pembangunan di bahagikan kepada beberapa koridor pembangunan utama (Rujuk Pelan 2.1).


- i) Koridor Johor Bahru – Senai – Kulai
- ii) Koridor Johor Bahru – Skudai – Pontian
- iii) Koridor Johor Bahru – Gelang Patah
- iv) Koridor Johor Bahru – Ulu Tiram – Kota Tinggi
- v) Koridor Johor Bahru – Pasir Gudang – Tanjung Langsat

Bagi Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) mereka memainkan peranan dalam empat pembangunan koridor iaitu pembangunan Koridor Johor Bahru – Senai – Kulai, Johor Bahru – Skudai – Pontian, Johor Bahru – Gelang Patah dan Koridor Johor Bahru – Ulu Tiram – Kota Tinggi. Ini menunjukkan MPJBT merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang penting untuk menjayakan matlamat tersebut.



PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS  
PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH

Pelan Strategi Pembangunan  
Negeri Johor




PELAN 2.1

PETUNJUK

- BP1- Skudai/ Tmn Impain Emas
- BP2-Tmn Tun Aminah/Mutiara Rini/ Lima Kedai
- BP3- Tmn Perling/Sutera
- BP4- Tmn Universiti/ Pulai/ Kangkar Pulai/ Ulu Choh
- BP5- Ulu Tiram/ Desa Cemerlang/ Tmn Johor Jaya
- BP6- Masai/ Plentong/ Sri Alam
- BP7- Gelang Patah/ Nusajaya

1. Koridor Johor Bahru – Senai – Kulai
2. Koridor Johor Bahru – Skudai – Pontian
3. Koridor Johor Bahru – Gelang Patah
4. Koridor Johor Bahru – Ulu Tiram – Kota Tinggi
5. Koridor Johor Bahru – Pasir Gudang – Tanjung Langsat



### 2.3 Dasar Dan Strategi Pembangunan Di Peringkat Daerah

Di peringkat daerah konsep dan strategi pembangunan daerah Johor Bahru adalah untuk menjadikan Bandaraya Johor Bahru sebagai “**BANDARAYA BERTARAF ANTARABANGSA**” (**PENGANTARABANGSAAN JOHOR BAHRU**). Ianya selaras dengan saranan di peringkat nasional dengan menjadikan Bandaraya Johor Bahru sebagai Pusat Wilayah Negara yang akan memainkan peranan utama bagi pertumbuhan wilayah selatan Semenanjung Malaysia. Pihak MPJBT akan bertindak sebagai pendukung kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) untuk mencapai matlamat tersebut. Ini dapat dilihat apabila kawasan Skudai/UTM dijadikan sebagai Presint Pusat Penyelidikan dan Presint Taman Teknologi dan Bandar Nusajaya sebagai Pusat Pentadbiran Baru Negeri Johor. Presint pembangunan ini diwujudkan di dalam kawasan MPJBT adalah kerana kemudahan infrastruktur sediaada dan kedudukan kawasan MPJBT terletak bersebelahan dengan kawasan Bandaraya Johor Bahru.

### 2.4 Dasar Dan Strategi Pembangunan Di Peringkat Tempatan

Dalam konteks kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT), yang terletak berhampiran dengan Bandaraya Johor Bahru akan menerima limpahan pembangunan dari strategi pembangunan koridor seperti yang telah di gariskan. Selain dari kesan perkembangan di dalam koridor paksi pembangunan di kawasan MPJBT juga menerima kesan dari Laluan Kedua Malaysia – Singapura, pembangunan Bandar Nusajaya sebagai Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan Negeri Johor dan pembangunan Pelabuhan Tanjung Pelepas di Gelang Patah. Kesemua projek pembangunan yang utama bagi negeri Johor terletak di bawah kawasan pentadbiran MPJBT. Bandar Skudai yang merupakan salah satu daripada kawasan pembangunan utama akan dijadikan sebagai “**Bandar Satelit**” kepada Bandaraya Johor Bahru.

### 2.5 Dasar Utama Dan Dasar Subjek Untuk Landskap

Pembangunan landskap di kawasan Daerah Johor Bahru kebanyakannya tertumpu kepada usaha pengindahan di kawasan pusat bandar dan taman-taman perumahan sahaja. Namun begitu tahap penyelenggaraan bagi usaha pengindahan ini masih kurang memuaskan. Kemudahan rekreasi sediaada perlu dipertingkatkan dan dibaikpulih bagi menampung keperluan penduduk di kawasan ini. Ini adalah kerana kawasan Daerah Johor Bahru masih kekurangan kawasan rekreasi awam berpusat yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan rekreasi. Pengindahan ke atas kawasan-kawasan perumahan terutamanya di pusat-pusat bandar perlu diselenggara dengan lebih baik dalam meningkatkan kualiti landskap bandar yang semakin pesat di samping berperanan dalam membentuk imej sesebuah pusat bandar. Untuk itu di dalam Rancangan Struktur (pengubahan) Daerah Johor Bahru (1998-2020) telah menggariskan beberapa dasar yang terbahagi kepada dua iaitu Dasar Utama dan Dasar Subjek Landskap.

#### 2.5.1 Dasar Utama

Di dalam Rancangan Struktur (Pengubahan) Daerah Johor Bahru (1998-2020) telah menggariskan beberapa cadangan Dasar Utama yang melibatkan isu-isu landskap. Di antaranya ialah:

- I. **DU15-** PIHAK BERKUASA TEMPATAN AKAN MEMPERLENGKAPKAN TAMAN-TAMAN AWAM UNTUK PENDUDUK DAN TARIKAN PELANCONG.
- II. **DU16-** PIHAK BERKUASA TEMPATAN AKAN MEWUJUDKAN LANDSKAP BERTEMA DI SETIAP GUNA TANAH UNTUK MEMPERKUKUHKAN IDENTITI MENGIKUT SETIAP PIHAK BERKUASA TEMPATAN

### 2.5.2 Dasar Subjek Landskap

Dasar Subjek Landskap di dalam Rancangan Struktur (Pengubahan) Daerah Johor Bahru (1998-2020) telah menggariskan beberapa cadangan yang melibatkan isu-isu landskap. Di antaranya ialah:

- I. **DSL1-** PIHAK BERKUASA TEMPATAN AKAN MEWUJUDKAN REKA BENTUK LANDSKAP YANG MENYELURUH MELALUI JARINGAN HIJAU (*GREEN NETWORK*) DAN KAWASAN TUMPUAN.
- II. **DSL2-** MEMPERKUKUHKAN PEMULIHARAAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR.
- III. **DSL3-** MENGADAKAN PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK (TPO) BAGI KAWASAN YANG SESUAI MENGIKUT AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA, 1976 ( PINDAAN A933 )
- IV. **DSL4-** MENGADAKAN SKIM PENANAMAN LANDSKAP YANG BERTEMA DAN BERKONSEP.
- V. **DSL5-** PIHAK BERKUASA TEMPATAN AKAN MEWUJUDKAN PERANCANGAN LANDSKAP YANG BOLEH MEMBERI MANFAAT KEPADA SOSIO-EKONOMI TEMPATAN.
- VI. **DSL6-** MEWUJUDKAN SKIM LANDSKAP YANG BOLEH MENJADI SUMBER KEPADA INDUSTRI HILIRAN.
- VII. **DSL7-** SEMUA PUSAT BANDAR PERLU DIPERTINGKATKAN REKABENTUK LANDSKAP.

### 2.6 Rumusan

Dasar dan strategi yang telah di gariskan jelas menunjukkan pembangunan di kawasan pentadbiran MPJBT akan terus membangun seiring dengan wawasan 2020. Pembangunan landskap yang pesat dengan rancangan dan strategi di kawasan Majlis Bandaran Johor Bahru (MBJB) nyata memberi kesan dari segi ekonomi dan infrastruktur terhadap kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT).